

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SATU TINJAUAN TERHADAP PERMAINAN GITAR KIDAL  
MENGUNAKAN GITAR KANAN (TALI SONGSANG)  
APLIKASI, PERBEZAAN DAN KESANNYA  
DALAM PERMAINAN**

**TESIS INI DI KEMUKAKAN  
KEPADA FAKULTI SENI PERSEMBAHAN  
SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT  
IJAZAH SARJANA MUDA MUZIK**

**OLEH**

**MOHAMMAD EFFANDI BIN OTHMAN**

**98427128**

**SHAH ALAM, SELANGOR**

**SESSI JUN 2002**

## Sinopsis

Untuk permulaan, sebenarnya penulisan kali ini merupakan satu tinjauan umum yang berpran sebagai satu permulaan penulisan tentang gitaris kidal tali songsang. Oleh itu penulis akan menyentuh penulisan melalui maklumat yang dianggap penting secara sepintas lalu. Dari sudut perbezaan pula, tidak semua data dan maklumat berupa perbandingan, tetapi ia berdasarkan kepada fakta yang tertentu sahaja.

Didalam membuat di dalam buku tesis ini penulis telah membahagikan tajuk-tajuknya ke dalam beberapa bab. Penghuraian setiap tajuk mengikut bab-bab yang telah ditentukan oleh penulis. Turut dimuatkan juga lampiran berupa gambarajah, diagram, notasi dan gambar foto untuk memudahkan pembaca memahami dan menilai isi kandungan yang ingin disampaikan oleh penulis.

Bermula dari bab 1, penulis menceritakan secara umum tentang pengenalan permainan gitar. Di dalam bab 2 pula penulis akan memperkenalkan jenis-jenis permainan gitar kidal beserta penerangan secara mendalam setiap posisi yang lazim digunakan. Bab 3 merupakan kaedah penyelidikan yang telah dilakukan oleh penulis sepanjang tempoh tinjauan. Bab 4 merangkumi tinjauan keseluruhan tentang aplikasi, perbezaan dan permasalahan yang terdapat pada gitaris kidal songsang ini. Bab 5 pula merupakan bab yang terakhir yang mengandungi hipotesis dan saranan. Penerangan tentang bab-bab di atas, akan dinyatakan secara mendalam pada bahagian organisasi tinjauan.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	i
ISI KANDUNGAN.....	iii
LAMPIRAN.....	v
GLOSARI.....	vii

Daftar Kandungan	Muka surat
------------------	------------

Bab 1 PENGENALAN.....	1
-----------------------	---

- Latar belakang
- Tujuan
- Kaedah
- Skop Kajian
- Organisasi

Bab 2 ASAL-USUL DAN JENIS-JENIS PERMAINAN GITAR KIDAL TALI SONGSANG.....	10
---	----

- Terminologi gitar kidal
- Pemasalahan gitaris kidal tali songsang dalam mendapatkan instrumen dan bahan-bahan rujukan
- Pembahagian gitaris kidal kepada empat jenis

Bab 3 KAEDAH PENYELIDIKAN.....17

- Kaedah temubual / wawancara dengan tokoh-tokoh
- Teks-teks soalan yang disediakan
- Penggunaan kamera foto, video, dan bahan-bahan rujukan
- Kaedah pemerhatian (*observation*)
- Jangkamasa tinjauan

Bab 4 TINJAUAN TERHADAP KONSEP PERMAINAN.....23

- Gaya dan Notasi yang mengandungi tiga bahagian
  - i. Aplikasi dalam teknik petikan Hayunan (*Strumming*)
  - ii. Aplikasi dalam teknik petikan Jari Kiri (*fingerpicking Style*)
  - iii. Aplikasi dalam teknik pembacaan Tablature
- Kord dan Skala yang mengandungi tiga bahagian
  - i. Aplikasi dalam teknik '*Power Chord*' dan '*Riffs*'
  - ii. Aplikasi dalam teknik Kord Bar
  - iii. Aplikasi dalam teknik Skala (*Scale*)

Bab 5 PENUTUP.....41

- Rumusan
- Saranan

LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI

## BAB 1

### PENGENALAN

Gitar merupakan alat muzik enam tali yang dikelaskan sebagai alat muzik '*Chordophone*'. *Plucked string instrument with six string stretched along a fretted fingerboard*.<sup>1</sup> Keterangan di atas bermaksud gitar akan menghasilkan bunyi apabila dipetik manakala kord-kod ditekan menggunakan jari untuk menghasilkan melodi dan harmoni scsbuah lagu. Gitar menjadi popular pada zaman klasikal dan mempunyai sejarah dan perkembangannya yang tersendiri.

Untuk pengetahuan umum, gitar berasal dari Sepanyol pada abad ke 16 . Ia diilhamkan dari instrumen '*Lute*' yang pada masa itu digelar '*Vihuela De Mano*', (sila rujuk lampiran 1 hlm 44) dan mempunyai rekabentuk yang sama seperti gitar. Selain mempunyai enam dan 12 tali, ia dikenali juga dengan nama '*Viola De Mano*' di Itali. Selepas itu gitar mengalami beberapa evolusi terhadap bentuk, penggunaan tali, dan teknik permainan.

Ada juga pendapat mengatakan perkataan gitar berasal daripada perkataan '*Khitara*'. Selepas itu ia diubahsuai menjadi perkataan gitar dan nama itu digunakan schingga ke hari ini. Gitar tidak dapat dipastikan kewujudannya secara tepat, Walau bagaimanapun gitar dipercayai telah wujud dan digunakan sejak zaman Renaissance kemudiannya dikembangkan semasa zaman Borrocco di Sepanyol dan Itali. Sebelum

---

<sup>1</sup> Kamien Roger. Music And Appreciation. Seventh edition. McGraw-Hill Companies Inc., United State. 2000, hlm 266.